



Ruj. Kami : KKM.S.500-2/30/5 Jld.2 (1)
Tarikh : 8 November 2023

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

URUSAN KENAIKAN PANGKAT BAGI SKIM PERKHIDMATAN JURUPULIH PERUBATAN (FISIOTERAPI) GRED U38 KE GRED U40 DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber Manusia (BSM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan urusan kenaikan pangkat bagi skim perkhidmatan **Jurupulih Perubatan (Fisioterapi) Gred U40** dan tawaran ini terbuka hanya kepada Jurupulih Perubatan (Fisioterapi) Gred U38 yang sedang memangku Gred U40 mulai **02.05.2023**. Senarai nama pegawai yang telah dikenal pasti untuk dipertimbangkan dalam urusan ini adalah seperti di **Lampiran A**. Tawaran ini juga terbuka kepada pegawai yang telah memangku Gred U40 **melebihi enam (6) bulan tetapi tiada dalam senarai nama yang dilampirkan**.


3. Bagi melaksanakan urusan ini, dimohon kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan untuk mengemukakan maklumat sebagaimana yang diperlukan seperti perincian berikut:

- (a) **Cabutan Buku Rekod Perkhidmatan mulai 01 Januari 2023** : 1 salinan
- (b) **Borang NP(S) 8.2 Pindaan 2023** : 1 salinan
- (c) **Pengesahan Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) Tahun 2020, Tahun 2021, Tahun 2022 dan Laporan Nilai Prestasi Khas (LNPK) Tahun 2023** : 1 salinan



4. Sekiranya pegawai yang terlibat membuat penangguhan melaporkan diri dalam urusan pemangkuan ke Gred U40, dimohon agar mengemukakan sesalinan **surat kebenaran penangguhan** oleh Ketua Jabatan. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan tidak memperakukan kenaikan pangkat pegawai berkenaan, perakuan secara bertulis berserta salinan dokumen sokongan yang berkaitan perlu dikemukakan kepada BSM, KKM.

5. **Tarikh tutup permohonan** bagi urusan kenaikan pangkat ini adalah pada **18 Disember 2023 (Isnin)**. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan dalam memastikan semua dokumen adalah lengkap sebagaimana senarai semak di **Lampiran B** dan dikemukakan pada tarikh yang ditetapkan amatlah dihargai. Dimaklumkan juga surat edaran/ iklan dan borang berkaitan dengan urusan kenaikan pangkat ini boleh dimuat turun melalui portal rasmi KKM atau diakses melalui Kod Pautan Pantas (Kod QR) berikut:



6. Dokumen perakuan kenaikan pangkat bagi urusan ini hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

Bahagian Sumber Manusia
Unit Naik Pangkat (Pelaksana)
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 9, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W. P. PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Mohd Farid Asmuzi)

7. Sukacita diingatkan juga dalam pertimbangan sesuatu urusan kenaikan pangkat, adalah menjadi tanggungjawab pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan untuk memastikan **perakuan Penyelia dan Ketua Jabatan dilaksanakan secara telus mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa**. Untuk makluman, LKP I KKM memandang serius perkara ini dan memutuskan agar surat teguran diberikan kepada mana-mana penyelia dan Ketua Jabatan yang membuat perakuan pemangkuan/ kenaikan pangkat yang tidak selari dengan prestasi semasa pegawai.

8. **Ketua Jabatan juga bertanggungjawab memastikan tindakan tatatertib bagi pegawai yang mempunyai rekod Tidak Hadir Bertugas (THB) telah selesai dilaksanakan.** Laporan tindakan tatatertib hendaklah dimaklumkan kepada urus setia dengan segera supaya urusan pengesahan kenaikan pangkat pegawai tidak terjejas.

9. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(RAJA SURIATI BINTI RAJA SULAIMAN)

Bahagian Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
- Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
- Pengarah
Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Kuala Lumpur
- Pengarah
Institut Perubatan Respiratori
- Pengurus
Institut Kesihatan Negara (NIH)
- Pengarah
Institut Kanser Negara
- Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
- Pengarah
Pusat Darah Negara
- Pengarah
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
- Pengarah
Pusat Pergigian Kanak-kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia

LAMPIRAN B


SENARAI SEMAK (*CHECKLIST*) BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT JAWATAN KUMPULAN PELAKSANA, KKM

Sila pastikan dokumen yang dihantar adalah lengkap dan disusun dengan kemas mengikut susunan berikut.

ADA / TIADA

1. Borang NP(S) 8.2 Pindaan 2023
(*Muat turun melalui Kod QR berikut*)

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
--------------------------	--------------------------



BORANG NP(S)8.2.2023

2. Lampiran 1 – Pengesahan Markah LNPT 2020, 2021,2022
(*Sila sertakan salinan LNPT 3 tahun terakhir bagi mukasurat pertama yang memaparkan nama/maklumat pegawai dan mukasurat yang mengandungi jumlah markah keseluruhan LNPT sahaja*)

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
--------------------------	--------------------------

3. Salinan LNPK 2023

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
--------------------------	--------------------------

4. Cabutan salinan Penyata Perkhidmatan pegawai yang mengandungi nama, jawatan (maklumat pelantikan serta pengesahan dalam perkhidmatan) dan catatan mulai Januari 2023 sehingga kini

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
--------------------------	--------------------------

5. Salinan surat kebenaran Ketua Jabatan (jika ada penangguhan lapor diri untuk pemangkuan)

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
--------------------------	--------------------------

6. Salinan keputusan/laporan Lembaga Tatatertib (jika berkaitan)

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
--------------------------	--------------------------

**SENARAI NAMA IKLAN PENGESAHAN KENAIKAN PANGKAT
BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT
JURUPULIH PERUBATAN (FISIOTERAPI) GRED U38 KE GRED U40
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MEMANGKU PADA 02.05.2023**

BIL.	NAMA	PENEMPATAN DI GRED U40
1	MOHD AZIZI BIN ALIS @ ALIAS	HOSPITAL KUALA LUMPUR
2	NOR HAFIZAH BINTI MAHIDDIN	HOSPITAL KUALA LUMPUR
3	HAZNAN BIN HUSIN	PAHANG

DISAHKAN OLEH :



NAMA : MOHD. FARID BIN ASMUJE @ ASMUJI

JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI TADBIR TINGGI
UNIT NAIK PANGKAT (SOKONGAN)
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

TARIKH : 7 . NOVEMBER 2023